



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN GARIS PANDUAN KENDERAAN DE-CONTROLLED & PICK-UP BAGI MEMBAWA BARANGAN

PUTRAJAYA, 16 Mac 2026 — Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengeluarkan **Garis Panduan Penggunaan Kenderaan De-controlled dan Pick-Up Bagi Membawa Barangan** bagi memberikan penjelasan kepada orang awam, pemilik kenderaan serta pemain industri mengenai penggunaan kenderaan tersebut secara sah dan selamat.

Garis panduan ini bertujuan mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pengguna jalan raya berkaitan penggunaan kenderaan untuk membawa barangan serta memastikan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan secara lebih konsisten oleh agensi penguat kuasa.

Melalui garis panduan ini, Kerajaan menjelaskan bahawa **kenderaan barangan dengan Berat Dengan Muatan (BDM) tidak melebihi 7,500 kilogram dikategorikan sebagai kenderaan de-controlled** dan boleh digunakan oleh pemilik atau syarikat bagi membawa **barangan milik sendiri yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan mereka** tanpa memerlukan permit pengendali daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Walau bagaimanapun, sekiranya kenderaan tersebut digunakan untuk **membawa barangan milik pihak ketiga bagi tujuan sewa atau upah**, aktiviti tersebut dianggap sebagai perkhidmatan pengangkutan barangan komersial dan **pengendali perlu mendapatkan Permit Pembawa A daripada APAD** selaras dengan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

Bagi **kenderaan pick-up persendirian**, pemilik dibenarkan membawa barangan milik sendiri selagi barangan tersebut diangkut secara selamat, tidak melebihi had muatan kenderaan dan tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya lain.

Selain itu, Kerajaan turut mengekalkan **kelonggaran pentadbiran kepada pemegang Lesen Memandu Kelas D** untuk memandu kenderaan de-controlled dengan Berat Tanpa Muatan (BTM) sehingga **4,000 kilogram**, walaupun had asal bagi lesen tersebut ialah 3,500 kilogram. Kelonggaran ini





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

mengambil kira pertambahan berat akibat pemasangan badan kargo atau struktur tambahan pada kenderaan.

Garis Panduan ini akan berkuat kuasa bermula 1 April 2026. MOT berharap garis panduan ini dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada orang ramai mengenai penggunaan kenderaan de-controlled dan kenderaan pick-up, seterusnya memastikan aktiviti pengangkutan barangan dilaksanakan secara teratur serta mematuhi undang-undang demi keselamatan semua pengguna jalan raya.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
16 Mac, 2026

-TAMAT-

TENTANG MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

